

**TEKS UCAPAN Y. BHG. DATO' KETUA PENGARAH
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA
SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN
16 NOVEMBER 2009 (ISNIN)**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam kekeluargaan dan salam 1 Malaysia.

Yang Berbahagia Dr. Anjali Doshi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)

Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah Negeri dan seluruh warga kerja LPPKN.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pendahuluan

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan syukur ke hadrat ALLAH Subhanahuataa'la kerana dengan limpah kurnia dan izinNYA, kita dapat bersama dalam majlis perhimpunan pagi bulan November pada hari ini.

2. Sedar tak sedar kita telah melangkah ke hampir penghujung tahun 2009. Kita perlu melihat kembali adakah kita telah mencapai atau memenuhi program-program atau aktiviti-aktiviti yang telah kita rancang pada awal tahun. Pencapaian setiap Bahagian dan Negeri adalah penting sebagai kayu pengukur kejayaan LPPKN dalam mencapai visi dan misinya. LPPKN telah menggunakan *tagline* SATU MALAYSIA dan saya berharap agar semua anggota menggunakan *tagline* ini dalam semua urusan rasmi iaitu **"1 MALAYSIA: LPPKN UTAMAKAN KELUARGA (FAMILY 1ST)"**. Saya harap dengan penggunaan tagline ini agar semua *stakeholders* yang

berurusan dengan LPPKN memahami bahawa **fokus LPPKN adalah kepada mengukuhkan institusi keluarga** melalui pelbagai pendekatan dan aspek. Ini tidak bermakna bahawa aspek kependudukan dan aspek kesihatan reproduktif tidak dititikberatkan tetapi kedua-dua aspek ini memainkan peranan penting ke arah kesejahteraan keluarga.

PELAN STRATEGIK LPPKN TAHUN 2010 – 2014

3. Pelan Strategik LPPKN telah dimantapkan melalui beberapa siri bengkel agar selaras dengan fungsi LPPKN (Akta Penduduk dan Keluarga).

Enam (6) domain/fokus LPPKN yang akan dipergiatkan adalah :

- i. Mengukuhkan Nilai Teras Keluarga (Core Values);
- ii. Keluarga Sebagai Nilai Teras Dalam Organisasi, Komuniti dan Keluarga;
- iii. Mengukuh Institusi Perkahwinan;
- iv. Membantu Keperluan Keibubapaan Untuk Keluarga Muda;
- v. Pembinaan Asas Remaja Untuk Pembentukan Keluarga dan
- vi. Perkhidmatan Sokongan Keluarga.

4. Sehubungan itu beberapa langkah telah dan akan dilaksanakan iaitu:

i. HARI BERSAMA MEDIA

Hari bersama media sepanjang bulan Oktober dan November ini pelbagai aktiviti telah dijalankan. Antaranya ialah memperkenalkan Pengerusi LPPKN yang baru kepada pihak media. Program yang diadakan pada 10 November yang lepas, di Holiday Inn Glenmaire adalah juga salah satu usaha advokasi dan promosi fungsi dan perkhidmatan LPPKN, agar lebih

dikenali sebagai agensi yang berfokuskan kepada isu-isu Kependudukan, Pembangunan Keluarga dan Reproduksi Manusia.

ii. PELAN MEDIA

Program-program LPPKN akan disebarikan melalui berbagai saluran media seperti :

- NTV7 (5/6 SIRI), RTM, BERNAMA TV, TV3, dan lain-lain.
- Akhbar, majalah dan bahan promosi

iii. PASUKAN PETUGAS KHAS

Pasukan-pasukan petugas khas juga telah ditubuhkan bagi mengkaji aspek-aspek berikut iaitu:

- Pelan Strategik LPPKN
- Bank Data/Maklumat
- Business Model dan lain-lain

iv. FUNGSI/PERANAN LPPKN

Fungsi LPPKN akan diperkukuhkan selaras dengan Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga dengan memberikan penumpuan kepada :

- Penyelidikan dan Pembangunan
 - Latihan Amali (Kesihatan Reproktif, Pembangunan Keluarga & Kependudukan)
 - Pendidikan
 - Advokasi
 - Pemantauan dan Penilaian
 - Perkhidmatan
- perlu ada perubahan minda dalam cara kita bekerja.

- setiap anggota mesti mempunyai KPI (SKT yang ada sasaran).

PENYERTAAN DALAM PERSIDANGAN ANTARABANGSA

5. Seramai 4 orang peserta dari LPPKN telah menyertai 5TH *Asia Pacific Conference On Reproductive And Sexual Health And Rights (APCRHSH)*, pada 17 - 20 Oktober 2009, di Beijing, China. Satu kertas kerja bertajuk ***kafe@TEEN Youth Friendly Services – Specialised Approaches In Increasing Access And Utilization Of Adolescent Sexual And Reproductive Health Services*** telah dibentangkan dalam *parallel session* oleh Puan Ng Kim Foong dari BRM.

6. LPPKN turut bekerjasama dalam menganjurkan 9TH *World Congress : International Association For Adolescent Health (IAAH)* yang bertemakan *'Private Lifes, Public Issues : Global Perspectives On Adolescent Sexual Health*, pada 28 – 30 Oktober di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur. Satu kertas kerja bertajuk *I Am In Control* telah dibentangkan oleh Dr. Norliza Ahmad.

7. Penglibatan di peringkat antarabangsa akan dipertingkatkan melalui :
- i. Penyertaan anggota dalam seminar/bengkel
 - ii. *South-south training*.
 - iii. Lawatan ke LPPKN oleh pelawat-pelawat antarabangsa.

BENGGEL PENDIDIKAN

8. Bengkel pendidikan demografi asas dianjurkan secara perkongsian bijak bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Perak telah

berlangsung pada 10 – 13 November 2009 di Bukit Merah Lake Town Resort, Perak. Tujuan bengkel tersebut adalah untuk memberi latihan, pemahaman serta apresiasi mengenai demografi asas kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan Penghulu di peringkat Negeri dan Daerah Perak.

PENAMBAHBAIKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT LPPKN

9. Seiring dengan cabaran dan kecanggihan teknologi penyampaian maklumat, BTM telah mengambil inisiatif membuat penambahbaikan laman web rasmi LPPKN dengan lebih berinformatif. Laman web berwajah baru mula digunakan pada 17 Oktober yang lalu.

10. Saya berharap warga LPPKN dapat melayari laman web rasmi kita dan boleh mengutarakan komen atau cadangan kepada BTM untuk tindakan penambahbaikan, agar paparan yang dibangunkan selaras dengan peredaran teknologi semasa dan memberi manfaat kepada pengguna.

11. Semua Bahagian, Unit dan Pejabat LPPKN Negeri dijangka akan menerima set ICT utama iaitu *PC* dan *printer* pada bulan Disember ini. Diharap agar warga LPPKN dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti seiring dengan transformasi ICT ini.

12. Di samping itu, adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai pengguna memastikan keselamatan aset ict ini dari segi pencerobohan data atau maklumat dan kecurian.

PENGISIAN JAWATAN

13. Bagi tempoh Oktober/November LPPKN telah berjaya mengisi sejumlah 24 kekosongan jawatan di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri. Ini telah memperkukuhkan lagi tenaga kerja kita di mana sejumlah 80.8% jawatan daripada jumlah yang diluluskan iaitu 1,230 jawatan telah diisi. Buat sekian lama, LPPKN berjaya mengisi jawatan **Penolong Pegawai Farmasi** iaitu jawatan yang sangat diperlukan untuk pengurusan farmasi BRM.

14. Saya amat berharap dengan kekuatan anggota sekarang, LPPKN dapat terus memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat. Peluang untuk memajukan diri sentiasa terbuka kepada yang ingin meningkatkan prestasi diri dan kerjaya.

HARI INOVASI

15. Hari inovasi KPWKM telah diadakan pada 9 November yang lalu. Tahniah diucapkan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia kerana telah memenangi Anugerah Ketua Setiausaha bagi kategori Pengurusan Sumber Manusia. Syabas diucapkan. Semoga dengan kejayaan ini meningkatkan lagi semangat para pegawai untuk memberikan yang terbaik kepada anggota LPPKN khususnya dan amnya.

16. Hari inovasi LPPKN akan diadakan pada 23 November ini. Saya berharap supaya budaya meningkat mutu kerja melalui pelbagai inovasi ini dapat sentiasa diterapkan kepada setiap anggota LPPKN. Saya dapati terdapat beberapa inovasi telah diadakan oleh BRM yang menganjurkan perhimpunan bulanan kita pada kali ini. Dengan membawa tema

'Kesejahteraan', pengisian perhimpunan hari ini adalah mengenai kesedaran kanser payu dara sebagai lanjutan dari sambutan kempen ini yang disambut pada bulan Oktober setiap tahun (*Pink Ribbon Month*)

17. Dalam kesibukan kita menjalankan tugas harian, saya harap semua anggota menitikberatkan kesihatan. Tanpa kesihatan yang baik adalah sukar untuk kita memberikan yang terbaik kepada organisasi. Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2003 yang menggalakkan warga kerja 40 tahun ke atas menjalani pemeriksaan kesihatan. Saya harap ramai yang tampil mengambil kesempatan menjalankan pemeriksaan yang dijalankan seawal 8.00 pagi tadi. Sekiranya tidak berkesempatan, warga LPPKN 40 tahun ke atas, boleh melakukannya di Klinik Nur Sejahtera.

18. Melalui konsep '*Self Empowerment*', saya juga ingin menyarankan agar semua anggota memantau sendiri tahap kesihatan seperti BMI dan tekanan darah tinggi secara tetap dan berkala. Untuk itu, BRM telah mengujudkan **Sudut Sejahtera** di tingkat 11 (BRM). Tuan-tuan dan puan-puan boleh menjalankan pemeriksaan sendiri BMI dan tekanan darah secara layan diri. Sekiranya ada masalah, boleh berjumpa doktor di Klinik Nur Sejahtera untuk mendapatkan khidmat nasihat dan rujukan ke hospital jika perlu. Pencegahan dan pengesanan awal adalah penting.

PENUTUP

19. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Raya A'Idil Adha kepada muslimin dan muslimat dan kepada yang lain selamat beristirehat.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, assalamua'laikum warahmatullahi wabaraktuh.